

LOGO



JABATAN PELAJARAN SARAWAK

Perkara yang berikut ialah maksud lambang pada logo tersebut:

BUKU melambangkan peranan institusi-institusi dalam memberikan pendidikan untuk semua tanpa mengira keturunan, agama, dan latar belakang budaya ke arah melahirkan bangsa Malaysia selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

LAPISAN WARNA BIRU, KUNING, MERAH DAN HITAM, melambangkan dinamisme pendidikan, sistem yang sentiasa berkembang, mengikut peredaran zaman, perubahan dan hala tuju, sesuai dengan perubahan semasa.

BENTUK GEOMETRIKAL EMPAT SEGI membawa maksud bahawa sistem pendidikan dari segala sudut akan sentiasa memberikan kesedaran dan keinsafan kepada individu dan masyarakat terhadap kemajuan yang berasaskan sains dan teknologi.

Keseluruhan logo ini menggunakan warna bendera negeri Sarawak. **BIRU** melambangkan imej korporat dan identiti pendidikan, yakni satu kekuatan utama dalam pembinaan negara. **KUNING** melambangkan kemakmuran dan disiplin individu. **MERAH** melambangkan patriotisme. **HITAM** melambangkan keunggulan dan ketabahan. Warna **EMAS** yang mengelilingi logo ini melambangkan nilai-nilai kemuliaan insan dan pendidikan, iaitu berakhlak mulia, berilmu, berfikir, rajin, amanah dan ikram.

LOGO



GERAKAN MENJULANGI SARAWAK (GeMS)

Pengertian Logo

Bentuk Bulat

Bentuk bulat melambangkan tekad, usaha menyeluruh dan bersepadu semua warga Jabatan Pelajaran untuk menjulangi semua sekolah di negeri Sarawak.

Lapisan Separa Bulatan

Empat lapis separa bulatan melambangkan empat peringkat persekolahan : Prasekolah, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Prauniversiti. Empat lapisan warna juga membawa maksud perkembangan individu yang menyeluruh dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Warna kuning, merah dan hitam melambangkan warna bendera Sarawak.

Bentuk Berwarna Hijau

Bentuk berwarna hijau melambangkan usaha yang bersepadu untuk pembestarian sekolah, keprihatinan terhadap pemeliharaan alam sekitar serta hasrat mewujudkan persekitaran yang kondusif.

Huruf Q

Huruf Q ialah simbol sejagat bagi kualiti. Warna biru melambangkan warna Jabatan Pelajaran Sarawak.

GeMS

GeMS ialah nama singkatan Perancangan Strategik : Gerakan Menjulang Sarawak 2011-2015. GeMS juga membawa erti bahawa murid yang dilahirkan dari sekolah berprestasi tinggi merupakan pelbagai permata yang berkilauan.

Moto

"Menjulang Sarawak" merupakan iltizam warga pendidik untuk melonjakkan kecemerlangan dalam semua bidang pendidikan di Sarawak.

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

V ISI JABATAN PELAJARAN SARAWAK

**Organisasi yang
berwibawa dan unggul dalam
semua aspek perkhidmatan
pendidikan**

M ISI JABATAN PELAJARAN SARAWAK

**Memastikan pengurusan semua
aspek perkhidmatan pendidikan
di semua peringkat dilaksanakan
secara paling berkesan
untuk mencapai matlamat**

PIAGAM PELANGGAN

JABATAN PELAJARAN SARAWAK

KAMI WARGA JABATAN PELAJARAN SARAWAK DENGAN PENUH TEKAD DAN ILTIZAM BERIKRAR DAN BERJANJI AKAN MENUMPUKAN SELURUH TENAGA DAN USAHA KAMI UNTUK

1. Memastikan semua kanak-kanak, mengikut umur yang ditetapkan, mendapat tempat belajar pada hari pertama sesi persekolahan baru dimulakan.
2. Menempatkan guru-guru ke sekolah-sekolah dalam tempoh 30 hari setelah menerima senarai guru Institut Pendidikan Guru dan Universiti dari Kementerian Pelajaran dan memastikan bahawa semua sekolah sentiasa dibekalkan dengan guru-guru secukupnya mengikut keperluan sekolah, dua minggu sebelum sekolah bermula.
3. Memastikan semua jenis permohonan diproses oleh Jabatan Pelajaran Negeri dalam tempoh tidak melebihi satu bulan dari tarikh permohonan diterima.
4. Menguruskan dan menyelesaikan masalah perjawatan dan perkhidmatan personel dari segi pelantikan, pengesahan, kemasukan ke jawatan berpencen dan lain-lain dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan.
5. Mengisikan kekosongan jawatan Pengetua / Guru Besar/Guru Penolong Kanan dalam tempoh satu bulan selepas berlakunya kekosongan.
6. Memastikan tuntutan daripada guru dan bukan guru diproses dalam masa dua minggu dari tarikh tuntutan diterima.
7. Memastikan semua urusan peperiksaan awam dilaksanakan tanpa cacat.
8. Memastikan Jabatan Pelajaran sentiasa peka dan responsif kepada kehendak-kehendak pelanggan dengan :-
 - sentiasa memberi layanan dan perkhidmatan kaunter yang segera, mesra, dan tepat.
 - menentukan segala surat aduan dan rayuan kepada Jabatan Pelajaran, PPG/PPDK dan sekolah-sekolah diberi jawapan dalam tempoh dua minggu dari tarikh surat itu diterima.
9. Bersedia dan sanggup menerima pandangan, cadangan, syor dan teguran yang membina daripada semua pihak demi mempertingkatkan prestasi perkhidmatan dan nama baik jabatan.

1.0 MUKADIMAH

GeMS ialah nama singkatan bagi Gerakan Menjulangi Sarawak. Gerakan ini merupakan pengurusan strategik bijaksana untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti pencapaian murid serta melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan di Sarawak.

Secara umum, Gerakan Menjulangi Sarawak (GeMS) 2011-2015 menekankan enam perkara utama iaitu peningkatan kualiti kepimpinan, pengurusan, dan pentadbiran; pembangunan modal insan; peningkatan bilangan sekolah yang mencapai sekurang-kurangnya band 4 dalam *ranking* NKRA; peningkatan usaha bagi merapatkan jurang pendidikan; peningkatan kualiti guru serta peningkatan bilangan sekolah yang menunjukkan peningkatan dalam *ranking* NKRA. Dalam gerakan ini seluruh warga pendidik terlibat dalam mengenal pasti fokus, isu utama, strategi dan merangka pelan tindakan bagi mencapai setiap *KPI output* dan *KPI outcome* yang dikenal pasti.

1.1 Pendekatan GeMS

Pendekatan GeMS melibatkan lima langkah seperti yang berikut:

1.1.1 menilai persekitaran luaran yang melibatkan peluang dan cabaran terhadap organisasi.

1.1.2 menilai kemampuan masa kini organisasi untuk mengambil peluang dan menyahut cabaran tersebut.

1.1.3 mengenal pasti misi utama organisasi.

1.1.4 membina satu senario persekitaran pada masa depan dan kemampuan organisasi menyahut cabaran tersebut secara realistik.

1.1.5 membandingkan keadaan masa kini dengan prospek masa depan dan menyediakan ruang bertindak untuk mengurangkan jurang antara kedua-duanya.

1.2 Ciri-ciri GeMS

GeMS mempunyai ciri-ciri yang berikut :

1.2.1 penekanan kepada mewujudkan suatu visi masa depan organisasi.

1.2.2 mewujudkan senario untuk pembangunan masa depan dan bukan hanya merancang untuk melakukan perkara yang sama bagi satu tempoh masa.

1.2.3 berorientasikan masa depan dan bukan pada situasi semasa.

1.2.4 penekanan kepada strategi dan bukan taktik.

1.2.5 satu proses berterusan untuk mencari “new rules of the game” dan membolehkan organisasi menyesuaikan diri dengan persekitaran yang sentiasa berubah.

2.0 TERAS GeMS

2.1 GeMS digubal untuk menentukan haluan dan merealisasikan TERAS Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak seperti berikut :

- 2.1.1 Meningkatkan Kualiti Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan. (T1)
- 2.1.2 Membangunkan Modal Insan. (T2)
- 2.1.3 Memperkasakan Sekolah. (T3)
- 2.1.4 Merapatkan jurang pendidikan. (T4)
- 2.1.5 Memartabatkan profesion keguruan. (T5)
- 2.1.6 Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan. (T6)

2.2 Enam Teras GeMS adalah berlandaskan fokus-fokus pendidikan yang digalurkan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) serta Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10).

3.0 MATLAMAT GeMS

Pengurusan GeMS Sarawak 2011-2015 bermatlamat menjulang semua sekolah di negeri Sarawak dalam pencapaian kemenjadian murid dari segi akademik,

kokurikulum dan pembentukan sahsiah murid yang cemerang.

Secara khusus matlamat Perancangan Strategik Jabatan Pelajaran Sarawak adalah seperti berikut:

1. Kepimpinan, pengurusan dan pentadbiran yang berkualiti meningkat. (T1)
2. Semua murid berilmu, berkemahiran, berdaya saing dan berperwatakan unggul.(T2)
3. Semua sekolah mencapai sekurang-kurangnya band 4. (T3)
4. Semua sekolah dan murid mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk cemerlang. (T4)
5. Semua guru memberi pendidikan yang terbaik. (T5)
6. Semua sekolah menunjukkan peningkatan ranking. (T6)

4.0 OBJEKTIF GeMS

4.1 Menyediakan sistem pengurusan organisasi yang baik dan terancang dari aspek dalaman ataupun persekitarannya.

- 4.2 Menyediakan peluang penglibatan semua warga pendidik dalam proses pemikiran dan mengurangkan tekanan serta tentangan kepada sebarang perubahan yang dicadangkan.
- 4.3 Mengenal pasti isu-isu utama yang dihadapi.
- 4.4 Membuat keputusan yang sesuai tentang tindakan yang akan diambil.
- 4.5 Membuat keputusan secara sistemik dengan menggunakan maklumat terbaik.
- 4.6 Membuat keputusan yang bijak tentang pengagihan sumber manusia, kewangan, dan kemudahan.
- 4.7 Membuat keputusan yang praktikal untuk mendapatkan penyelesaian yang terbaik.
- 4.8 Meningkatkan semangat kerja berpasukan, memotivasikan staf serta menjalinkan silaturahim dan kemesraan antara semua staf melalui pemahaman dan pengupayaan hala tuju yang sama.

- 4.9 Menetapkan keutamaan dan objektif yang jelas termasuk skop aktiviti, pelan tindakan, pemantauan pelaksanaan dan penilaian impak program berkenaan.
- 4.10 Memahami kuasa-kuasa yang mempengaruhi masa depan organisasi jabatan khususnya tekanan dan perubahan terhadap persekitaran masa depan.

5.0 PRINSIP-PRINSIP DAN NILAI-NILAI UTAMA PENGURUSAN GeMS

- 5.1 Membina wawasan untuk organisasi dengan mendapat pandangan serta idea daripada warga dalam organisasi.
- 5.2 Melaksanakan proses penjanaan wawasan, misi, matlamat serta objektif strategik dengan melibatkan seluruh warga pendidikan.
- 5.3 Melakukan imbasan persekitaran dalaman dan luaran organisasi untuk mengetahui kekuatan, kelemahan, cabaran dan peluang yang wujud.

- 5.4 Menentukan faktor-faktor penentu kejayaan organisasi, nilai, kepercayaan dan adat resam serta budaya yang wujud di sesuatu tempat.
- 5.5 Menubuhkan pasukan pelaksana wawasan organisasi untuk menjalankan segala aktiviti yang dirancang.
- 5.6 Membina kerangka penilaian dan nilai setiap objektif khusus untuk menentukan kejayaannya.
- 5.7 Melakukan kerja-kerja penambahbaikan untuk memastikan semua perancangan dilaksanakan sepenuhnya.
- 5.8 Memantapkan kerjasama dalam organisasi untuk mengelakkan keadaan berpuak-puak dan mementingkan diri.
- 5.9 Menyemarakkan kecintaan terhadap organisasi dan kerja sebagai satu ibadah.

- 5.10 Membina jaringan yang baik dengan masyarakat, badan kerajaan, badan korporat dan agensi lain untuk memudahkan pelaksanaan pelan tindakan strategik.

6.0 KERANGKA GeMS

Perancangan Enam Teras GeMS 2011-2015 merangkumi enam perkara utama iaitu fokus, isu utama, strategi, pelan tindakan, pelaksana, indikator, indikator pencapaian dan tahun pencapaian.

6.1 Fokus

Sesuatu keadaan yang belum wujud atau belum mantap dan belum dicapai sepenuhnya tetapi dapat menjadi kenyataan apabila diusahakan secara optimum dalam tempoh lima tahun.

- 6.2 Isu utama
Data dan maklumat yang menunjukkan krisis yang perlu ditangani selepas analisis *SWOT (Strength, Weakness, Opportunity, Threat)*.
- 6.3 Strategi
Program atau aktiviti khusus yang dirancang bertujuan menangani isu-isu utama untuk mencapai matlamat tertentu.
- 6.4 Pelan Tindakan
Satu rancangan yang merangkumi tindakan atau aktiviti-aktiviti yang perlu dijalankan untuk mencapai sesuatu matlamat dalam tempoh yang ditetapkan berdasarkan sumber yang sedia ada.
- 6.5 Tempoh
Jangka masa lima tahun bermula dari tahun 2011 hingga 2015.
- 6.6 Pelaksana
Semua pihak yang bertanggungjawab atau terlibat secara langsung dalam melaksanakan sesuatu program atau aktiviti yang dirancang.
- 6.7 *KPI Output*
Petunjuk kepada segala usaha ke arah mencapai kejayaan yang dihasratkan. Hasil usaha tersebut hendaklah dapat diukur
- 6.8 *KPI Outcome*
Kejayaan, hasil atau produk yang boleh dijadikan petunjuk bagi menentukan sesuatu matlamat telah tercapai dalam tempoh yang ditetapkan. Hasil atau produk tersebut hendaklah dapat diukur.
- 6.9 Tahun pencapaian
Tahun yang disasarkan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

7.0 KERANGKA PELAN TINDAKAN GeMS

Perancangan Pelan Tindakan GeMS 2011-2015 merangkumi enam perkara utama iaitu strategi, aktiviti, kumpulan sasaran, jadual pelaksanaan, pegawai bertanggungjawab dan anggaran kos.

7.1 Teras

Bidang pengurusan yang dijadikan tumpuan dalam tempoh 2011-2015.

7.2 Fokus

Hala tuju pengurusan dalam setiap teras.

7.3 Strategi

Program atau aktiviti khusus yang dirancang untuk menangani isu-isu utama bagi mencapai matlamat tertentu.

7.4 Aktiviti

Aspek perkhidmatan pendidikan yang dilaksanakan untuk memenuhi kehendak pelanggan.

7.5 Sasaran

Bilangan program / aktiviti atau penyertaan yang disasarkan.

7.6 Status perancangan dan pencapaian

Program / aktiviti yang dirancang dan perlu dicapai dalam tempoh masa (2011-2015).

7.7 Pelaksana

Pihak yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan sesuatu program atau aktiviti yang dirancang.

7.8 Catatan

Ruang untuk mencatat perkara atau tindak susul yang penting.

8.0 FOKUS DAN ISU UTAMA

GeMS Jabatan Pelajaran Sarawak 2011-2015 dirancang bagi memastikan Jabatan Pelajaran Sarawak menjadi sebuah organisasi yang berwibawa dan unggul dalam semua aspek perkhidmatan.

Jabatan Pelajaran Sarawak telah mengenal pasti 31 fokus dan 39 isu utama yang perlu ditangani bersama oleh semua warga pendidik.

Pengisian GeMS amat menuntut komitmen semua pihak sama ada di dalam atau di luar organisasi. Pendidikan berkualiti dan sekolah gemilang harus menjadi agenda utama dalam usaha melahirkan modal insan yang berkualiti, berdaya saing dan mempunyai daya ketahanan yang tinggi selaras dengan Wawasan Gemilang Sarawak.